

*Analisis Ethos, Pathos dan Logos dalam Komunikasi Kepimpinan Nama  
Beta Sultan Alauddin Karya Faisal Tehrani*

NORDIANA HAMZAH  
NOOR ALHUSNA MADZLAN  
HASRINA BAHARUM  
MUHAMAD FADZLLAH ZAINI  
*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

ROHAYA MD. ALI  
*Universiti Utara Malaysia*

ABSTRAK

Komunikasi kepimpinan ialah penyampaian maklumat oleh pemimpin tentang budaya sesuatu organisasi, nilai teras, misi dan mesej penting untuk membina kepercayaan dalam sesuatu lingkungan masyarakat. Budaya sesuatu organisasi yang terdapat dalam teks kesusasteraan Melayu sama ada moden ataupun tradisional merakamkan peristiwa yang memaparkan hubungan pemimpin dalam masyarakat. Sesuatu peristiwa itu lahir hasil daripada komunikasi antara pemimpin dengan masyarakat yang menjadi wadah dalam penulisan. Teks kesusasteraan Melayu sama ada moden ataupun tradisional merakamkan peristiwa yang memaparkan hasil seni untuk masyarakat. Teks *Nama Beta Sultan Alauddin* merupakan teks moden yang ditulis dalam gaya moden namun mempunyai bahan penceritaan klasik iaitu penceritaan berkaitan kepimpinan Sultan Alauddin. Teks ini merakamkan penceritaan kisah Sultan Alauddin dari zaman kanak-kanak sehingga baginda mangkat. Kajian teks diaplikasikan dalam penyelidikan ini. Objektif kajian adalah untuk menganalisis komunikasi kepimpinan Sultan Alauddin secara bertema iaitu sub tema ethos, pathos dan logos berdasarkan teori Aristotle. Dapatan kajian menemukan bahawa Sultan Alauddin mempunyai keperibadian yang baik (ethos); mempunyai ikatan silaturahim yang rapat dengan Menteri dan rakyat (pathos) serta menyelesaikan masalah dengan kecerdasan emosi dan intelektual (logos) dalam komunikasi kepimpinan baginda. Implikasi kajian ini adalah untuk memberikan kesedaran ilmu komunikasi kepimpinan yang berkesan dalam pemilihan seseorang yang bakal memimpin sesebuah organisasi sama ada organisasi itu kecil ataupun besar seperti sebuah daerah, negeri ataupun negara.

**Kata kunci:** *Komunikasi, kepimpinan, ethos, pathos, logos.*

*Analysis of Ethos, Pathos and Logos in Leadership Communication Through The  
Work of Faisal Tehrani's Nama Beta Sultan Alauddin*

ABSTRACT

Leadership communication is the delivery of information by leaders about the culture of an organization, core values, mission and important messages to build trust in a community. The culture of an organization found in Malay literary texts, whether modern or traditional, records events that display the relationship of leaders in society. An event was born as a result of communication between leaders and the community that became a channel for writing. Texts in Malay Literature, be it modern or traditional, record events that portray the artwork of the community. A particular event is manifested through communication between the people of the community, which in turn becomes

the medium of written works. The text Nama Beta Sultan Alaudin is a modern text with a modern style of writing yet possesses a classic narrative which involves the narration of Sultan Alaudin's leadership. This text records Sultan Alaudin's narration of his childhood till his demise. The objective of this study is to analyse leadership communication of Sultan Alaudin through the subthemes of ethos, pathos and logos based on Aristotle's theory. Findings of this study reveals that Sultan Alaudin possesses good personality (ethos); close relationship with the Minister and the people (pathos) as well as the ability to solve problems with emotional and intellectual intelligence (logos) in his leadership communication. The implication of this study is to create awareness on the knowledge of effective leadership communication in choosing people who will become future leaders in a variety of organisations at district, state or national levels.

**Keywords:** *Communication, leadership, ethos, pathos, logos.*

## PENGENALAN

Dalam sesebuah organisasi, komunikasi kepimpinan merupakan salah satu elemen utama yang diperlukan dalam mencapai matlamat organisasi. Komunikasi kepimpinan ialah penyampaian maklumat oleh pemimpin tentang budaya sesuatu organisasi, nilai teras, misi dan mesej penting untuk membina kepercayaan dalam sesuatu lingkungan masyarakat. Menurut Helmi dan Ilhaamie (2017) dalam usaha untuk mencapai kualiti kepimpinan amatlah perlu kemahiran berkomunikasi diberikan peranan penting untuk menghuraikan kehendak visi dan misi supaya menjadi lebih jelas landasan yang akan diikuti.

Selain itu, komunikasi kepimpinan ini bukanlah hanya boleh dilihat secara realiti semata-mata malah turut dijadikan sebagai sebuah elemen atau isi kandungan dalam teks kesusasteraan Melayu. Biasanya komunikasi kepimpinan dalam karya sastera akan diperlihatkan melalui watak pemimpin dan masyarakat dalam pelbagai bidang. Misalnya, dalam karya tradisional, pengarang akan memperlihatkan peranan raja dan rakyat tempatan.

Manakala dalam karya moden, pengarang menjadi lebih kreatif iaitu dengan memperlihatkan pelbagai bidang seperti kepimpinan dalam bidang pendidikan yang diketuai oleh guru besar atau pengetua, kepimpinan dalam bidang pengurusan syarikat, kepimpinan dalam bidang keagamaan dan sebagainya. Dalam konteks kajian ini, pengkaji bertindak untuk memberi fokus kepada sebuah teks kesusasteraan Melayu yang bertajuk *Nama Beta Sultan Alauddin* karya Faisal Tehrani untuk dianalisis. Objektif bagi kajian ini adalah untuk menganalisis komunikasi kepimpinan Sultan Alauddin.

Rentetan daripada komunikasi kepimpinan ini, teori yang paling sesuai untuk menyokong kajian ini ialah teori Aristotle. Dalam teori ini terdapat beberapa elemen yang menyokong terhadap komunikasi kepimpinan. Elemen yang dimaksudkan adalah ethos, pathos dan logos. Setiap elemen ini membawa prinsip tersendiri misalnya elemen ethos merupakan elemen yang mengandungi unsur pemujukan atau rayuan kepada kredibiliti dan kebolehpercayaan khalayak kepada seseorang individu. Seseorang yang menggunakan elemen ini, berupaya untuk mempengaruhi khalayak dengan memperlihatkan kredibiliti semasa berucap. Berbeza dengan elemen pathos yang menitikberatkan kepada pemujukan bahasa yang melibatkan emosi khalayak. Elemen ini banyak menggunakan unsur bahasa yang mencerminkan emosi seseorang bagi membolehkan pendengar merasai emosi yang disampaikan oleh penyampai. Yang seterusnya ialah elemen logos, elemen ini ialah satu elemen yang memaparkan kebijaksanaan seseorang. Pemujukan menggunakan elemen ini berfokus kepada fakta, ilmu pengetahuan dan perkara-perkara yang difikirkan logik untuk dibahaskan dengan lebih mendalam. Elemen ini antara elemen yang boleh membantu

meyakinkan pendengar menerusi sokongan daripada fakta-fakta yang boleh dipercayai sumbernya.

Hubungan antara komunikasi kepimpinan terhadap tiga elemen ini memberi ruang kepada pemimpin untuk menonjolkan kredibiliti dalam menerajui sesuatu organisasi. Hal ini kerana, ketiga-tiga elemen saling berkaitan. Hal ini akan membantu pemimpin untuk menjadi seorang ketua yang berkredibiliti, mempunyai empati dan berpengetahuan dalam organisasi yang diterajunya.

Rumusannya, komunikasi kepimpinan memerlukan elemen *ethos*, *pathos* dan *logos* untuk menilai tahap kredibiliti seseorang pemimpin. Elemen-elemen inilah yang akan menjadi penanda aras dalam menilai tahap kepimpinan seorang pemimpin. Dengan berlandaskan teori ini, akan menjadikan komunikasi dijalankan dengan berkesan.

## SOROTAN LITERATUR

### a. *Komunikasi Kepimpinan*

Berdasarkan tinjauan literatur yang dilakukan mendapati bahawa kajian berkenaan komunikasi kepimpinan banyak dikaji oleh pengkaji terdahulu dengan menyentuh pelbagai aspek dan skop yang berbeza-beza. Antara kajian lepas yang telah dijalankan oleh Helmi dan Ilhaamie (2017) dari Universiti Malaya yang bertajuk 'Komunikasi Kepimpinan Berkesan' membincangkan komunikasi kepimpinan dari perspektif Islam. Komunikasi kepimpinan adalah perkara penting yang perlu ada dalam setiap pemimpin. Hal ini dikatakan demikian kerana komunikasi yang baik akan menghasilkan keamanan dan keharmonian terhadap ahli. Perkara ini akan membantu dalam mencapai objektif yang disasarkan. Oleh hal yang demikian, kajian ini berfokus kepada komunikasi kepimpinan yang berkesan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dokumen dianalisis untuk menjelaskan bentuk komunikasi dalam Islam, jenis komunikasi, prinsip dan etika sebalik komunikasi. Berbeza dengan kajian yang hendak dijalankan berfokus kepada analisis terhadap bahan sastera iaitu *Nama Beta Sultan Alauddin* karya Faisal Tehrani yang menganalisis kepada pengaplikasian komunikasi kepimpinan dalam watak yang diberi tumpuan. Dapatan hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat banyak pecahan dari segi definisi komunikasi dan kepimpinan itu sendiri. Malahan terdapat banyak pembahagian yang dalam komunikasi kepimpinan Islam. Hal ini jelas menunjukkan bahawa komunikasi kepimpinan bukan sahaja berada dalam skop pengurusan organisasi semata-mata malah dalam Islam juga menerapkan komunikasi kepimpinan dengan mengambil kira aspek Islam itu sendiri.

Di samping itu juga, kajian berkenaan dengan komunikasi kepimpinan ini berkait rapat dengan komunikasi strategik. Kajian yang dijalankan oleh Maizatul et al. (2019) dari Universiti Kebangsaan Malaysia yang bertajuk 'Komunikasi Strategik dan Peranannya Untuk Mewujudkan Komunikasi Berkesan dalam Organisasi' membincangkan kepentingan komunikasi strategik dalam organisasi. Komunikasi strategik merupakan komunikasi berencana, terancang dan digunakan untuk mencapai matlamat organisasi. Dalam perkara ini, Model Komunikasi Strategik atau Model Barret telah diperkenalkan dalam menilai komunikasi untuk meningkatkan tahap komunikasi mereka. Model Barrett antara model praktikal terbaik dalam merancang komunikasi secara berstrategik. Bertepatan dengan kajian yang dijalankan, model ini dilihat dapat dijadikan panduan untuk menilai komunikasi watak terhadap ahlinya. Hal ini dikatakan demikian kerana model ini memberi penumpuan terhadap komunikasi antara ahli. Di sini kita dapat lihat bahawa kepimpinan yang diterajui oleh watak Sultan Alauddin akan menjadi penentu dalam keberhasilannya berkomunikasi bersama rakyat

dan pembesarnya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa untuk berkomunikasi juga mempunyai strategi, bagi memastikan komunikasi yang dilakukan itu berkesan dan mudah difahami oleh ahli.

Seterusnya, kajian berkenaan dengan Model Barrett atau Model Komunikasi Strategik Barret (2006) telah diperluaskan menerusi kajian yang dilaksanakan oleh Maizatul et al. (2020) dan kajian Ahmad et al. (2019). Dalam kajian ini, elemen komunikasi strategik yang dikaji ialah perancangan komunikasi, sokongan pengurusan atasan, mesej bersasaran, pemilihan dan penggunaan alat komunikasi, penilaian berterusan dan budaya kerja. Walaupun dalam kajian ini berbeza skop dengan kajian yang hendak dijalankan, tetapi asas dalam komunikasi strategik masih perkara yang sama dan boleh diaplikasikan dalam mengkaji teks sastera *Nama Beta Sultan Alauddin* karya Faisal Tehrani. Penyelidik menetapkan elemen ini bersandarkan kepada Model Komunikasi Strategik Barret (2006). Pengkaji telah menambahkan dua lagi elemen iaitu perancangan komunikasi dan budaya kerja. Hal ini membuktikan bahawa model ini fleksibel untuk diaplikasikan dalam mana-mana skop kajian. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah analisis kandungan dan tinjauan. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa pengguna kerap menghantar aduan dan kebanyakan aduan berkaitan dengan pengurusan perkhidmatan dan budaya kerja. Hal ini jelas memperlihatkan bahawa komunikasi dalam setiap pekerjaan mempengaruhi sesebuah organisasi. Perkara ini merujuk kepada seorang pemimpin harus mengutamakan komunikasi strategi agar kredibiliti seorang pemimpin itu menonjol.

#### *b. Segitiga Retorik Aristotle (Ethos, Pathos dan Logos)*

Berdasarkan tinjauan literatur yang telah dilakukan, kajian berkaitan dengan komunikasi kepimpinan berdasarkan teori Aristotle telah mendapat perhatian pengkaji lepas. Aisyah (2022) dalam kajiannya berjudul *Ethos, Pathos, Logos dan Komunikasi Publik: A Systematic Literature Review* telah membincangkan secara terperinci mengenai komunikasi kepimpinan awam berdasarkan analisis kajian literatur secara sistematik. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis jurnal diindeks berkaitan teori retorik dan dalam konteks komunikasi awam. Kajian ini dilihat berbeza dengan kajian yang bakal dilakukan iaitu kajian ini lebih tertumpu kepada 30 buah artikel pilihan manakala kajian yang bakal dilakukan akan berfokus kepada satu karya sahaja iaitu menganalisis teks *Nama Beta Sultan Alauddin* karya Faisal Tehrani. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa artikel-artikel yang dikaji telah menggunakan komunikasi kepimpinan berdasarkan teori Aristotle namun dalam bidang kepimpinan yang berbeza. Antara bidang yang dimaksudkan termasuklah kepimpinan dalam politik, pendidikan, keagamaan serta perniagaan. Manakala dalam kajian yang bakal dikaji pula, pengkaji lebih memberikan fokus kepada kepimpinan dalam diri watak utama iaitu Sultan Alauddin tentang cara-cara beliau memimpin negara berdasarkan tiga elemen penting dalam teori Aristotle iaitu *Ethos, Pathos* dan *Logos*. Jelaslah bahawa kajian yang bakal dilakukan ini berbeza dengan kajian lepas.

Selain itu, kajian lepas yang dijalankan oleh Nurul Nadiah dan Zulkefli (2021) dari Universiti Kebangsaan Malaysia yang bertajuk 'Retorik dalam Dakwah Nik Abdul Aziz Nik Mat' membincangkan berkenaan dengan disiplin dan cara komunikasi yang baik dalam menyalurkan idea, emosi, sikap, fakta dan cara memanipulasikan ucapan mengikut kemampuan, kemahiran, kelebihan dengan cara tersendiri. Kajian ini turut dijalankan untuk mengkaji tiga kaedah utama retorik pengucapan iaitu *Ethos, Pathos* dan *Logos* untuk melihat keberkesanan penyusunan dakwah Nik Aziz Nik Mat dalam menyampaikan dakwah. Kajian ini sangat berlainan dengan kajian yang akan dijalankan, namun merujuk kepada elemen yang

terdapat dalam kepimpinan, penyusunan retorik juga penting untuk memastikan keberkesanan terhadap komunikasi ketika memimpin sesebuah kelompok. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif berbentuk deskriptif dan pengumpulan data melalui teks ucapan. Hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa penyusunan retorik yang mantap dan berkesan dapat memberi impak terhadap usaha dakwahnya kepada masyarakat Islam. Walaupun konsep kajian yang akan dijalankan berbeza, tetapi untuk menilai keberkesanan komunikasi dalam memimpin juga memainkan peranan yang penting kerana keberhasilan untuk mengaplikasikan elemen *Ethos*, *Pathos* dan *Logos* akan menentukan keupayaan untuk mempengaruhi dan membujuk khalayak. Menyentuh kepada kajian yang dijalankan memberi fokus terhadap komunikasi kepimpinan Sultan Alauddin yang memerlukan sandaran retorik yang berkesan menggunakan elemen *Ethos*, *Pathos* dan *Logos*. Sungguhpun ruang lingkup kepimpinan yang dijalankan oleh Nik Aziz Nik Mat dan Sultan Alauddin berbeza tetapi kedua-duanya menunjukkan keupayaan untuk mempengaruhi khalayak menerusi percakapan atau ujaran yang mampu memberi kesan terhadap orang lain. Jelaslah bahawa untuk memastikan komunikasi kepimpinan dapat disampaikan dengan baik, penyusunan retorik atau lisan juga berupaya memberi kesan terhadap kepimpinan seseorang.

Seterusnya, Syahrir (2015) dalam kajiannya yang berjudul *Analisis Ethos, Pathos dan Logos: Kepimpinan Susilo Bambang Yudhoyono* turut membahaskan berkaitan teori Aristotle. Menerusi kajian ini, dapat dilihat tujuan utama pengkaji adalah untuk membincangkan cara kepimpinan Susilo Bambang Yudhoyono berdasarkan tiga elemen yang terkandung dalam teori Aristotle iaitu *Ethos*, *Pathos* dan *Logos*. Dapat dilihat di sini kedua-dua pengkaji telah memilih untuk memberikan fokus kepada satu watak sahaja dalam kajian yang dilakukan berdasarkan teori Aristotle. Berbalik kepada kajian, kaedah yang pengkaji gunakan adalah berbentuk kualitatif iaitu menggunakan kaedah pemerhatian dan kaedah kepustakaan secara khususnya. Hasil kajian mendapati Susilo Bambang Yudhoyono telah gagal untuk menyelesaikan sebuah kes kewangan di Indonesia, namun dengan kebijaksanaannya dalam mempraktikkan *Ethos*, *Pathos* dan *Logos* melalui komunikasi, maka beliau kembali menjadi pujaan hati rakyat Indonesia pada waktu tersebut. Beliau dilihat memiliki kepercayaan diri, daya tarikan serta bahasa badan yang menarik dalam berkomunikasi (Syahrir, 2015). Jadi, melalui kajian yang bakal dikaji, pengkaji akan mengkaji perwatakan Sultan Alauddin dalam karya *Nama Beta Sultan Alauddin* secara menyeluruh berdasarkan tiga elemen yang terkandung dalam teori Aristotle bagi menyempurnakan objektif kajian.

Seterusnya, kebanyakan kajian yang mengaplikasikan *Ethos*, *Pathos* dan *Logo* diaplikasikan secara tidak langsung dalam komunikasi. Kajian lepas yang dijalankan oleh Azlina (2017) dari Universiti Utara Malaysia yang bertajuk '*Analisis Kualitatif terhadap Faktor Kegagalan Komunikasi Pembujukan dalam Konteks Pengucapan Awam*' membincangkan kegagalan komunikasi pembujukan dalam konteks pengucapan awam yang bersandarkan elemen *Ethos*, *Pathos* dan *Logo*. Kajian ini dijalankan untuk melihat faktor yang menjadi penyumbang terhadap kegagalan komunikasi pembujukan dalam pengucapan awam. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif iaitu meninjau faktor-faktor yang menyebabkan kegagalan dalam proses penyampaian mesej komunikasi pembujukan. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor yang menyebabkan kegagalan komunikasi pembujukan adalah keyakinan diri yang rendah (*Ethos*), kelunturan kesejahteraan emosi (*Pathos*), perbendaharaan kata dan penggunaan laras bahasa yang terbatas, perbezaan budaya dan beberapa faktor lain. Berdasarkan dapatan ini jelas menunjukkan bahawa kegagalan seseorang pemimpin dalam memimpin disebabkan banyak faktor. Faktor tersebut

sebahagian besar tersenarai dalam *Ethos*, *Pathos* dan *Logos*. Kajian ini berperanan untuk menunjukkan bahawa komunikasi kepimpinan yang tidak kukuh akan menghadapi kegagalan. Jelaslah bahawa elemen *Ethos*, *Pathos* dan *Logo* sangat penting dalam memastikan komunikasi kepimpinan dalam satu-satu organisasi dapat diterajui dengan baik serta kredibiliti pemimpin juga akan turut disanjung tinggi oleh ahlinya.

#### METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana bersifat analisis secara deskriptif. Penemuan kajian berdasarkan analisis dokumen berbentuk teks dan tidak dijelaskan dalam bentuk serta angka (Muhammad Zafran et al., 2022; Nazra & Abdul Latiff 2022; Rapp, 2022; Azizi et al., 2018). Analisis teks adalah secara tafsiran subjektif, mempunyai maksud yang pelbagai dan berdasarkan kepada konteks (Jamaluddin et al., 2022). Pembentukan kategori dalam kajian ini berasaskan kepada kategori secara deduktif. Kategori berasal daripada teori dan daripada kajian literatur (Kuckartz, 2014).

Kategori yang dipilih berdasarkan Segitiga Retorik Aristotle (Siti Marina et al., 2022; Janse, 2018; Aristotle & Cope, 1867). Berdasarkan kepada teori ini terdapat tiga kategori yang digunakan dalam analisis, iaitu *ethos*, *logos* dan *pathos*. *Ethos* yang positif menunjukkan perwatakan yang diceritakan oleh pengarang mempunyai kuasa dan kredibiliti yang baik. Di samping itu, pengarang menggambarkan watak sebagai seorang yang berbakat dalam komunikasi kepimpinan. Bahkan, digambarkan perwatakan dapat menimbulkan rasa percaya dan rasa hormat terhadap dirinya sekali gus mempengaruhi pembaca. Perwatakan yang mempunyai ciri-ciri pemimpin yang sangat ideal dan beretika kerana bercakap berdasarkan perkara yang baik-baik sahaja (Hairul et al., 2022; Nuramirah et al., 2022.)

*Pathos* pula merupakan pemujukan bahasa yang melibatkan emosi para pendengar ataupun pembaca (Ting, 2018). Seni bahasa *pathos* mempunyai kuasa yang dapat mempengaruhi para pendengar dan pembaca dalam memahami sesuatu isu ataupun perkara. Ragam pemujukan bahasa *pathos* meliputi aspek emosi seperti kasih sayang, simpati, rasa rendah diri, rasa bersalah, empati, penghinaan, ketakutan dan kekeliruan. Aspek gaya bahasa yang mudah dan bermakna, mempunyai rima, aspek metafora dan analogi banyak digunakan dalam penulisan yang bertujuan membangkitkan kesan rasa kepada pembaca

Ting (2018) menyatakan *logos* adalah seni pemujukan bahasa yang ditulis oleh pengarang berdasarkan fakta dan bukti. Pengarang mencorakkan perwatakan yang pandai berhujah dan mempunyai kebijakan dalam membuat perkaitan antara sebab dan akibat. Hujah ini bertujuan untuk memberi keyakinan kepada khalayak pembaca. Kesimpulannya, ketiga-tiga kategori ini memainkan peranan penting dalam pemerian perwatakan oleh pengarang dalam novel yang dikaji.

*Ethos*, *logos* dan *pathos* dianalisis disesuaikan dengan komunikasi kepimpinan Model Barret (2006). Merujuk model, komunikasi kepimpinan Barret dibahagikan kepada tiga yang utama iaitu komunikasi kepimpinan dasar, pengurusan dan korporat. Pada setiap lingkaran dalam model mempunyai pecahan-pecahan iaitu, komunikasi kepimpinan dasar meliputi analisis khalayak dan strategi, lisan dan tulisan. Komunikasi kepimpinan pengurusan pula merangkumi aspek kecerdasan emosi pemimpin dan literasi budaya. Pemimpin harus dapat berkomunikasi secara interpersonal ataupun secara antarabudaya. Akhir sekali ialah komunikasi kepimpinan korporat. Kategori ini digambarkan pemimpin harus mempunyai kemahiran iaitu antaranya ialah langkah-langkah berkomunikasi secara dalaman dan luaran, mempunyai visi, bercerita tentang visi, kebolehan dalam memberikan nasihat kepada semua khalayak dalam organisasi dan perubahan dalam berkomunikasi (Klapper et al., 2020).

Novel yang dipilih dalam analisis ini ialah teks yang ditulis oleh Faisal Tehrani bertajuk *Nama Beta Sultan Alauddin*. Novel ini merupakan kehidupan biografi Sultan Melaka yang ditulis secara naratif dari zaman kanak-kanak sehinggalah baginda mangkat. Penceritaan oleh pengarang menggambarkan kekaguman pengarang terhadap watak dan mengangkat watak sebagai seorang pemimpin yang sebenar dan diperlukan pada zaman sekarang. Pengarang mencorakkan watak dengan imej yang baik melalui penggunaan seni pemujuan bahasa.

Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan instrumen berdasarkan senarai semak teori Aristotle dan Model Komunikasi Kepimpinan Barret (2006). Analisis data pula dibuat secara kategori iaitu kategori pathos, ethos dan logos merujuk teori Aristotle. Kesahan kandungan bagi kajian ini berdasarkan kepada instrumen yang dibina dapat mengkaji aspek yang ingin ditemukan. Semakin banyak aspek yang mewakili kategori dalam senarai semak, maka semakin baik kesahan kandungan sesuatu kajian (Azizi et al., 2018). Kebolehpercayaan pula dapat dicapai melalui analisis secara berperingkat (Moskovitch & Jagadish, 2022). Analisis secara berperingkat dilaksanakan dalam kajian ini iaitu membaca teks secara berulang-ulang, menyaring mengikut senarai semak, dan mengkategorikan mengikut teori. Di samping itu terdapat proses pembacaan silang dapatan kajian dengan beberapa orang pembaca pakar bidang kesusasteraan.

#### DAPATAN DAN PERBINCANGAN

##### a. *Analisis Pathos dalam Komunikasi Kepimpinan*

Dalam novel *Nama Beta Sultan Alauddin*, elemen pathos terdapat dalam plot penceritaan setiap episod. Petikan dalam episod *Kematian Tun Perak*,

“Tuanku, patik ingin solat subuh bermakmumkan tuanku.” Sultan Alauddin menitiskan air mata. Akur. Baginda memerintahkan supaya didapatkan segeluk air. Baginda sendiri membantu Bendahara Tun Perak. Baginda lap muka Tun Perak, tangan sampai ke siku, diusap rambut, disapu di celah cuping telinga dan juga kaki.

(Faisal Tehrani, 2007)

Petikan ini memperlihatkan sikap Sultan Alauddin sebagai seorang pemimpin yang mempunyai emosi empati kepada rakyatnya bendahara Tun Perak. Menurut Goleman (1996), terdapat tiga aspek dalam menentukan kemampuan empati seorang pemimpin iaitu, seorang pemimpin yang baik seharusnya dapat memberikan tumpuan kepada mana-mana rakyat yang mengemukakan permasalahan kepadanya bahkan turut juga menjadi seorang pendengar yang baik dan memberikan maklum balas kepada pengadu. Aspek seterusnya pula, pemimpin juga seharusnya individu yang dapat menerima kritikan daripada orang lain. Sehubungan dengan itu, pemimpin mempunyai keupayaan untuk mendengar pendapat orang lain. Perkara yang paling penting sekali, seorang pemimpin harus mempunyai sensitiviti yang tinggi terhadap perasaan individu di sekelilingnya sama ada secara berkomunikasi lahiriah ataupun berkomunikasi secara bahasa badan seperti ekspresi muka, dan tindak tanduk bahasa tubuh.

Oleh itu, pemaparan sikap Tun Perak adalah kerana Sultan Alauddin mempunyai hubungan yang baik dengannya. Sultan Alauddin walaupun berhadapan dengan Tun Perak yang sedang dalam kesakitan, pengarang memperihalkan watak Sultan yang beremosi sedih dan turut membantu Tun Perak dalam mengambil wuduk. Sikap Sultan Alauddin, mempunyai

kemahiran dalam pengurusan komunikasi kepimpinan iaitu mempunyai kemampuan dalam kecerdasan emosi (Barret, 2014).

Pemilihan perkataan oleh pengarang menampakkan gaya bahasa pemujukan pathos kerana pengarang menggambarkan dengan jelas perwatakan sultan yang penyayang dan mempunyai sikap empati iaitu hampir menitikkan air mata. Digambarkan juga, betapa telitinya pengarang dalam membangkitkan emosi pembaca iaitu, seorang sultan mengambil wuduk untuk seorang rakyat jelata. Penampakan sikap seorang pemimpin yang berkomunikasi secara sentuhan anggota badan. Gaya penceritaan secara teknik babakan menampakkan imej seorang sultan yang mengambil wuduk seorang rakyat jelata dengan perasaan sedih. Oleh itu, dalam situasi ini menampakkan hubungan silaturahim yang erat antara seorang sultan dan rakyatnya.

Seterusnya, dalam episod *Melaka mengalahkan Aru* digambarkan satu peristiwa yang menunjukkan seorang sultan yang mempunyai kemahiran komunikasi kepimpinan yang sangat hebat kerana mampu berkomunikasi antara budaya (Mulyana et al., 2019) dan melepaskan tawanan perang dalam peperangan tersebut. Hal ini dapat dirujuk melalui petikan:

"Lepaskan ikatan pada tawanan. Biarkan mereka mendapat layanan yang baik rakyat Melaka. Melaka tidak mengusik Aru, Aru tidak mengusik Melaka. Yang belum Islam kita Islamkan, yang sudah Islam kita ajarkan tentang ikatan silaturahim. Jamukan tawanan kita ini dengan makanan dan minuman yang baik. Tidak biasa kita menghambakan orang yang merdeka." Titah Sultan Alauddin bergegar.

(Faisal Tehrani, 2007)

Merujuk kepada petikan, penggunaan bahasa oleh pengarang menggambarkan perwatakan Sultan yang menunjukkan reaksi emosi kepada tawanan perang. Bahasa yang ditulis oleh pengarang dengan nada emosi positif seorang sultan kepada sekumpulan tawanan perang. Terdapat beberapa perkataan yang menimbulkan kesan emosi seperti aspek penyebaran agama Islam iaitu terdapat elemen dakwah dalam komunikasi Sultan kepada tawanan perang. Sultan mengislamkan tawanan perang yang masih bukan beragama Islam. Tambahan lagi, tawanan perang dilayan dengan baik. Mereka diberikan makanan dan minuman. Terdapat frasa yang menimbulkan emosi iaitu "tidak biasa kita menghambakan orang yang merdeka."

Oleh itu, menurut Hairul (2022), tiga alat retorik yang dikenal pasti untuk mencerminkan domain nada emosi berfungsi untuk membangkitkan daya tarikan emosi penulis termasuk perkataan dan tahap sentimen gaya penulisan teks. Peranan pathos akhirnya menunjukkan emosi dan menimbulkan reaksi emosi. Berdasarkan komunikasi kepimpinan juga, sultan menunjukkan hubungan yang baik dengan tawanan perang. Menurut Hairunisak dan Halimah (2021), untuk menjayakan sesuatu hubungan dalam organisasi, amat penting bagi seorang pemimpin menerapkan kualiti peribadi yang meliputi nilai-nilai murni supaya mereka dapat menjadi insan yang produktif dalam melakukan pekerjaan. Sikap sultan yang baik hati ini telah menyebabkan Sultan di Aru berasa malu. Hal ini dapat dirujuk dalam petikan:



Berita layanan istimewa Sultan Alauddin Riayat Syah terhadap tawanan perang dari Aru tiba ke pendengaran raja Aru. Baginda malu bukan kepalang dan serta merta menghantar seorang utusan untuk berdamai dan mengaku kalah serta meminta naungan dari negeri Melaka. Sejak itu, Melaka dan Aru pun berdamai. Antara raja Aru dan sultan Melaka saling berutusan surat menjalin persahabatan.

(Faisal Tehrani, 2007)

Sehubungan dengan itu, peristiwa ini memperlihatkan bahawa analisis pathos dalam komunikasi kepimpinan Sultan Alauddin juga telah memulakan hubungan silaturahim dengan negara, raja dan rakyat dari luar Melaka.

Merujuk kepada episod *Sultan Alauddin syahid diracun*, penulisan pengarang menggambarkan banyak monolog dalam hati dan dialog oleh sultan kerana berasa hairan atas kedatangan Sultan Ahmad iaitu kekanda baginda dari Negeri Pahang, isteri kedua baginda iaitu Tun Senaja serta beberapa orang lagi Melalui penulisan pengarang, digambarkan Sultan Alauddin telah membalas pantun yang diberikan kepada baginda walaupun dalam hati baginda penuh dengan perasaan kekusaran dan berdebar-debar menerima tetamu yang tidak diundang. Hal ini dapat dirujuk berdasarkan petikan berikut:

Sultan Alauddin menyembunyikan rasa gusar dan debar di hati baginda.  
"Sultan bersemayam di kota Bentayan,  
Duduk berhening tak mahu diganggu;  
Entahkan musuh entahkan kawan,  
Niat di hati tak siapa tahu."

(Faisal Tehrani, 2007)

Dalam pantun ini, pengarang telah menulis perasaan hati Sultan Alauddin dengan gaya bahasa indah iaitu pantun. Analisis pathos menunjukkan penggunaan gaya bahasa pengulangan dan pemilihan diksi yang tepat membantu membangkitkan emosi dan memberi kesan rasa kepada para pembaca. Borchert (2018, dalam Mulyana et al., 2019) seterusnya menegaskan bahawa salah satu cara untuk menyatakan dan mewakili sikap pengarang dicapai dengan penyampaian struktur sintaksis dan pemilihan diksi. Perumpamaan dalam pantun yang diberikan seperti berhadapan dengan musuh dalam selimut, api dalam sekam dan seperti gunting dalam lipatan. Gaya bahasa yang menimbulkan tanda tanya kepada kedatangan saudara-mara, anak dan isteri kerana secara tiba-tiba.

Menurut Sohaimi (1998), ekspresi emosi sedih yang terdapat dalam karya dapat membangkitkan rasa duka kepada para pembaca. Oleh itu, elemen pathos telah menyebabkan para pembaca mengalami pengalaman estetik yang sangat berkesan. Tambahan lagi pathos diwujudkan dalam novel lebih baik berbanding dengan genre yang lain kerana persoalan dan jalinan peristiwa yang lebih rencam. Kemampuan Sultan Alauddin dalam berkomunikasi bentuk pantun adalah merupakan satu kemahiran dalam kecerdasan emosi pemimpin iaitu dapat mengawal sendiri emosi. Kemahiran kedua ini ialah kawal selia sendiri, keupayaan untuk mengawal atau mengalihkan impuls dan mood yang mengganggu (Goleman, 1996). Kemahiran ini membantu Sultan Alauddin dalam membuat satu-satu tindakan kerana proses justifikasi pemikiran akan berlaku terlebih dahulu. Oleh itu, Sultan Alauddin dapat mengawal diri dan bertindak balas mengikut rasional pemikiran bukannya

bertindak tanpa batasan (Huang et al., 2022). Begitulah cara pengarang mempengaruhi khalayak pembaca dengan pelukisan watak yang mempunyai daya emosi.

Kesimpulannya, dalam analisis pathos merujuk kepada beberapa petikan, Sultan Alauddin digambarkan oleh pengarang sebagai seorang pemimpin yang mampu berkomunikasi dengan meninggalkan kesan emosi sedih, sayang dan kasih kepada para pembaca. Lebih-lebih lagi baginda sangat menjaga silaturahim antara pemimpin dengan rakyat, antara rakyat di negara luar dan dengan keluarga sendiri walaupun nyawanya diancam kerana plot dalam penceritaan menggambarkan peristiwa peperangan dan diracun.

*b. Analisis Ethos dalam Komunikasi Kepimpinan*

Merujuk kepada petikan dalam episod *Sultan Alauddin Membunuh Pencuri* terdapat perwatakan Sultan Alauddin yang mempunyai kuasa dan berkredibiliti dalam berkata-kata. Pengarang telah menimbulkan perwatakan yang dapat memberikan inspirasi kepada pemimpin pada zaman sekarang. Hal ini dapat dilihat dalam petikan:

Sultan Alauddin memandang pula Bendahara Tun Perak. "Datuk bendahara kita mahukan kawalan di dalam negeri diketatkan. Juga boleh didirikan balai di tengah kota, tempat orang memulangkan harta curian atau sebarang harta yang ditemui tetapi bukan kepunyaan. Jika ada rakyat yang ditemui dengan barang bukan kepunyaan dan didapati mencuri maka hendaklah kita jalankan undang-undang Islam kita. Kudungkan tangan si pencuri. Mungkin nampak seperti kita ini kejam sahaja tetapi tidak kejamkah perbuatan pencuri merompak hasil keringat Kiyai Tarambulum misalnya? Jalankan ini semua serta merta. Adapun Seri Maharaja, beta akan perhatikan jabatan ia setiap tika. Kalau ada hulubalang tidak berbuat kerja dan melakukan rasuah, kita suruh dia makan tanah. Beta mahu semua tahu, bahawa beta bukan sebarang raja. Nama beta Sultan Alauddin Riayat Syah sultan negeri Melaka."

(Faisal Tehrani, 2007)

Berdasarkan petikan, terdapat empat perkara yang ditegaskan oleh Sultan Alauddin iaitu aspek keselamatan dalam negeri, aspek pengumpulan harta curi dan harta yang tidak dipunyai, hukuman kepada pencuri dan perasuah. Baginda merupakan pemimpin yang ideal kerana ingin menjalankan pemerintahan yang bebas daripada kecurian dan amalan rasuah. Bahkan baginda membendung daripada peringkat akar umbi iaitu dimulakan penyiasatan terhadap pegawai baginda.

Sehubungan dengan itu, perwatakan baginda dalam komunikasi ialah ethos yang positif yang membentuk baginda menjadi pemimpin yang mempengaruhi pembaca dengan mesej yang baik (Barret, 2014). Menurut Nik Yusri et al., (2020) pemimpin seperti Sultan Alauddin telah dapat menyelesaikan isu dan masalah yang berlaku dan semuanya dapat menerima keputusan. Barret (2014) menyatakan bahawa dalam proses komunikasi kepimpinan, seseorang pemimpin yang berpengetahuan dapat membantu membina perwatakan yang mempunyai ethos yang positif sekali gus menyebabkan diri mereka lebih persuasif dalam kepimpinan. Oleh itu, sikap pemimpin seperti ini akan dapat menimbulkan rasa percaya dan rasa hormat orang lain kepada dirinya.

Seterusnya, sebagai seorang pemimpin, hubungan diplomatik dengan negara lain amat dititikberatkan. Malah dalam anggaran perbelanjaan persekutuan pada masa ini di masukkan bajet tentang hubungan luar negara. Oleh itu, sultan-sultan terdahulu sebelum ini

telahpun mengadakan hubungan dengan luar negara. Dalam petikan jelas menunjukkan tujuan Sultan Alauddin membuat kerjasama dan persefahaman dengan negeri-negeri yang terdapat di nusantara. Antara aktiviti yang dilakukan ialah berdakwah dengan negara luar iaitu menjadikan Melaka sebagai pusat pengajian keilmuan keagamaan. Baginda juga mempunyai sikap yang menghormati dan mudah berbuat baik dengan kerajaan dari luar negeri Melaka. Perkara ini dapat dibaca berdasarkan petikan:

Sultan Alauddin amat gemar menjalinkan hubungan persahabatan dan berbaik-baik dengan negeri-negeri di alam Melayu. Seboleh-bolehnya baginda akan mengelak dari bermusuhan atau berperang tanpa sebab. Malah baginda Sultan Alauddin kerap mengutus undangan supaya pemerintah-pemerintah di sekitar kepulauan Melayu bersama ahli keluarga datang menginap di Melaka untuk belajar ilmu agama yang bermacam-macam. Hasrat baginda selain Perlak dan Aceh, biarlah orang juga mengenal ilmu-ilmu agama Islam dari Melaka. Sikap ramah dan hormat baginda terhadap pemerintah jajahan takluk dan negeri-negeri di bawah naungan Melaka menyebabkan Melaka bertambah disegani.

(Faisal Tehrani, 2007)

Bagi mengukuhkan kemahiran komunikasi kepimpinan Sultan Alauddin yang terdapat dalam petikan, Barret (2014) menyatakan berdasarkan kajian para sarjana aspek ethos dapat dilihat dalam diri seseorang pemimpin ialah empat nilai moral dan satu tingkah laku iaitu, integriti, kecekapan, ketekalan, kesetiaan dan keterbukaan. Sultan Alauddin mempunyai integriti yang tinggi kerana baginda mempunyai reputasi kejujuran dan bersikap benar dalam persahabatan dengan negara luar. Hal ini dapat dilihat apabila peristiwa baginda membebaskan tawanan perang kerana menghormati Aru sebagai negeri yang berjiran dengan Melaka. Di samping itu, baginda mempunyai kecekapan iaitu pengetahuan teknikal dan kemahiran interpersonal dalam membuat pekerjaan. Sikap ketekalan baginda dalam mengendalikan situasi; menjaga kebajikan rakyat dan bersikap terbuka untuk berkongsi idea dan maklumat secara bebas dengan orang lain.

Rumusannya, berdasarkan dua petikan ini, memperlihatkan bahawa amalan ethos telah menjadi amalan dalam kepimpinan komunikasi Sultan Alauddin. Sultan Alauddin dapat membina rasa sayang, rasa percaya dan rasa hormat rakyat kepada diri baginda. Malah baginda juga membuat keputusan dalam kepimpinan dengan beretika.

*c. Analisis Logos dalam Komunikasi Kepimpinan*

Logos merupakan pesanan yang ditulis oleh pengarang melalui gambaran watak. Dalam novel aspek ini dapat dirujuk dalam petikan:

Baginda menyedari kain yang disarungnya kain sutera, ditanggalkan dan dititahkan, "Kita hanya akan mengenakan kain kapas sahaja. Sutera hanya untuk perempuan. Tidak tahukah Datuk Temenggung hukum agama?" Baginda Raja Husain juga menolak untuk mengenakan rantai emas berlilit di leher. "Orang lelaki tak mengenakan rantai di leher."

(Faisal Tehrani, 2007)

Merujuk kepada petikan di atas memperlihatkan kebijaksanaan Sultan Alauddin yang memberikan hujah rasional terhadap hukum agama. Kebijaksanaan Sultan Alauddin sebagai pemimpin diperlihatkan dalam petikan di atas. Sultan Alauddin menggunakan logos dalam mengujarkan sesuatu fakta dengan berlandaskan hukum agama. Bertepatan dengan definisi logos yang merupakan pujukan dan rujukan yang disertakan bukti yang nyata dalam mempengaruhi orang (Chai, 2020). Dalam menentukan logos terdapat beberapa ciri iaitu mempunyai fakta, analisis kritikal, mengandungi ilmu pengetahuan yang hendak dibahaskan dan wujud analogi. Untuk menentukan seorang pemimpin yang berkaliber, logos perlu ada dalam diri mereka agar individu disekeliling dapat meletakkan kepercayaan terhadap pemimpin.

Hal ini dibuktikan menerusi tindakan Sultan Alauddin yang peka terhadap kain yang disarung olehnya. Kepekaan beliau dalam menanggalkan semula kain yang telah disarung apabila menyedari kain tersebut diperbuat daripada sutera adalah salah satu tindakan yang betul. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau mengetahui bahawa lelaki tidak boleh menggunakan kain sutera. Perkara ini juga termaktub dalam hadis yang diriwayatkan al-Tirmidzi dar Abu Musa al-Asy'ari r.a bermaksud 'Diharamkan memakai pakaian sutera dan emas ke atas kaum lelaki dan dihalalkan bagi kaum wanita' (Siti Zanariah & Muhammad Adib, 2021). Hal ini jelas menunjukkan bahawa Sultan Alauddin menggunakan ilmu yang dimiliki untuk menegur Datuk Temenggung.

Menerusi petikan di atas juga memaparkan Raja Husain sedarkan hakikat bahawa lelaki juga dilarang untuk memakai sebarang perhiasan terutamanya rantai emas. Berdasarkan ilmu pengetahuan yang mereka miliki memaparkan kelebihan Sultan Alauddin dan Raja Husain sebagai seorang pemimpin yang bijak berkomunikasi dengan rakyatnya melalui teguran yang bersandarkan kepada fakta. Melalui teguran tersebut dapat menyedarkan pengikutnya bahawa sutera dan rantai emas adalah barangan terlarang untuk kaum lelaki. Tindakan yang dilakukan oleh Sultan Alauddin ini menyebabkan pengikutnya mempercayai dirinya sebagai seorang pemimpin yang bijaksana kerana teguran yang diberikan mempunyai ilmu. Malahan teguran itu bukan sekadar teguran kosong sebaliknya teguran yang bermanfaat dan berilmu. Berdasarkan ilmu pengetahuan yang dimilikinya membolehkan Sultan Alauddin mempengaruhi pengikut agar menuruti perintah baginda dengan menanggalkan segera kain sutera dan digantikan dengan kain kapas. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Sultan Alauddin merupakan seorang pemimpin yang dapat berkomunikasi dengan baik terhadap rakyatnya menerusi teguran yang memberi ilmu kepada orang lain.

Sultan Alauddin memandang pula Bendahara Tun Perak. "Datuk bendahara kita mahukan kawalan di dalam negeri diketatkan. Juga boleh didirikan balai di tengah kota, tempat orang memulangkan harta curian atau sebarang harta yang ditemui tetapi bukan kepunyaan. Jika ada rakyat yang ditemui dengan barang bukan kepunyaan dan didapati mencuri maka hendaklah kita jalankan undang-undang Islam kita. Kudungkan tangan si pencuri. Mungkin nampak seperti kita ini kejam sahaja tetapi tidak kejamkah perbuatan pencuri merompak hasil keringat Kiyai Tarambulum misalnya? Jalankan ini semua serta merta.

(Faisal Tehrani, 2007)

Petikan di atas pula memperlihatkan Sultan Alauddin sebagai seorang pemimpin yang adil dalam mentadbir negara berdasarkan undang-undang Islam. Sultan Alauddin memperlihatkan elemen logos dalam mengujarkan hukuman yang perlu dijatuhkan kepada pesalah. Baginda tidak menjatuhkan hukuman sesuka hati namun baginda telah bertindak untuk mengikut hukum Islam iaitu hukum hudud yang telah dilaksanakan pada zaman Rasulullah SAW dahulu (Majlis Agama Islam Selangor, 2015). Perkara ini telah dibuktikan apabila baginda menyuarkan hukuman potong tangan kepada sesiapa sahaja yang didapati mencuri.

Menurut Mustafa dan Miszairi (2021), hudud adalah bahagian yang menggariskan kesalahan-kesalahan besar yang dilakukan oleh manusia yang dianggap bertentangan dengan lima tonggak kemaslahatan. Tindakan Sultan Alauddin memilih untuk melaksanakan hukuman ini sedikit sebanyak akan menimbulkan rasa takut dalam diri rakyatnya untuk melakukan perkara dilarang. Selain itu, baginda turut menyatakan bahawa pembinaan balai raya turut boleh dilakukan. Alasannya adalah untuk memudahkan rakyat memulangkan apa-apa sahaja barang yang dijumpai. Jika rakyat didapati menyimpan barang yang bukan milik mereka, hukuman yang setimpal akan diberikan.

Dapat dilihat, segala tindakan dan idea yang baginda suarkan memiliki kelebihan dan strategi yang menarik. Malah cara baginda menitahkan pesan kepada bendahara turut menjadi salah satu strategi yang menarik. Hal ini dibuktikan apabila baginda berkomunikasi memberikan arahan yang begitu jelas berserta misi dan visi yang telah ditetapkan secara terancang kepada bendahara. Perkara ini dikatakan demikian kerana dalam usaha untuk mencapai kualiti kepimpinan amatlah perlu kemahiran berkomunikasi diberikan peranan penting untuk menghuraikan kehendak visi dan misi supaya matlamat yang ingin dicapai dapat disempurnakan (Helmi & Ilhaamie, 2017). Oleh itu, jelaslah bahawa Sultan Alauddin merupakan seorang pemimpin yang memimpin berdasarkan ilmu agama serta bijak mempelbagaikan strategi untuk mencapai matlamat yang ditetapkan.

#### KESIMPULAN

Kesimpulannya, komunikasi kepimpinan yang dilahirkan dalam seni pemujuan bahasa dalam teks merupakan satu disiplin yang dapat menyampaikan pesanan kepada para pembaca. Pembaca dapat mengenal pasti komunikasi kepimpinan dasar, pengurusan dan korporat yang baik dalam diri seorang pemimpin melalui kategori pathos, ethos dan logos. Pengarang dalam novel ini, telah menggariskan elemen pathos, ethos dan logos yang boleh diikuti oleh seseorang pemimpin. Seseorang pemimpin itu haruslah mempunyai etika yang baik, memiliki empati dan daya pemujuan dalam menyampaikan pesanan yang mengandungi mesej yang benar. Sultan Alauddin dalam novel mempunyai ketiga-tiga kategori. Hal ini dapat dibaca melalui pemaparan dan pemerian perwatakan sejak kecil hingga dewasa yang beretika, mempunyai hubungan silaturahim yang erat dengan pemimpinnya seperti Tun Perak dan Hang Tuah serta dan mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi lebih-lebih lagi dalam ilmu dakwah islam.

Dapatan kajian dapat memberikan implikasi kepada para pembaca. Semua pembaca adalah pemimpin kepada dirinya sendiri dan kepada masyarakat. Oleh itu, sewajarnya, peristiwa-peristiwa yang terdapat dalam novel ini menjadi iktibar kepada para pemimpin agar seimbang dari segi fizikal dan mental. Selain mempunyai perwatakan menarik, perlu juga memiliki ilmu pengetahuan dan mempunyai kredibiliti dalam mempengaruhi orang lain. Akhirnya dapat menjadi suri teladan kepada para pembaca.

#### PENGHARGAAN

Penyelidikan ini telah dijalankan di bawah FRGS/1/2018/SSI02/UPSI/02/1 yang disediakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris yang membantu menguruskan geran tersebut.

#### BIODATA

*Nordiana Hamzah* ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Email: [diana.azmi@fbk.upsi.edu.my](mailto:diana.azmi@fbk.upsi.edu.my)

*Noor Alhusna Madzlan* ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Inggeris Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Email: [nooralhusna@fbk.upsi.edu.my](mailto:nooralhusna@fbk.upsi.edu.my)

*Hasrina Baharum* ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Email: [hasrina@fbk.upsi.edu.my](mailto:hasrina@fbk.upsi.edu.my)

*Muhammad Fadzllah Haji Zaini* ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Email: [mfadzllah@fbk.upsi.edu.my](mailto:mfadzllah@fbk.upsi.edu.my)

*Rohaya Md. Ali* ialah Pensyarah Kanan di Unit Bahasa, Sastera dan Budaya, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM) Sintok Kedah. Email: [aya@uum.edu.my](mailto:aya@uum.edu.my)

RUJUKAN

- Aisyah, M. (2022). Ethos, Pathos, Logos dan komunikasi publik: A systematic literature review. *Jurnal Darma Agung*, 30(3), 442-469.
- Azlina Kamaruddin. (2017). Analisis kualitatif terhadap faktor kegagalan komunikasi pembujukan dalam konteks pengucapan awam. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 33(3), 89-106.
- Azizi Yahaya, Peter Voo, Ismail Maakip, & Mohd Dahlan A. Malek. (2018). *Kaedah penyelidikan dalam pendidikan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Barrett, D. (2006). *Leadership communication: A communication approach for senior-level managers*. Emerald Group Publishing.
- Barrett, D. (2014). *Leadership communication*. McGraw Hill Education.
- Chai Nyun Chow. (2020). *Penggunaan retorik dalam ucapan politik Tun Mahathir bin Mohamad pasca kemenangan Pakatan Harapan* [Master thesis, Universiti Malaysia Sarawak]. UNIMAS Institutional Repository.
- Cope, E. M. (1867). *An introduction to Aristotle's rhetoric: With analysis notes and appendices*. Macmillan and Co.
- Faisal Tehrani. (2007). *Nama beta Sultan Alauddin*. Aberdeen Books World.
- Goleman, D. (1996). *Emotional intelligence: Why it can matter more than IQ*. Bloomsbury.
- Hairul Azhar Mohamad, Zahariah Pilus, Muhammad Lutfi Mohaini, Rasyiqah Batrisya Md Zolkapli, & Nadiah Hanim Abdul Wahab. (2022). Rhetorical strategies for appeal to logos in research abstracts: An analysis of rhetoric. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 6(3), 1–15. <https://doi.org/10.33306/mjssh/200>
- Hairul Azhar Mohamad. (2022). Analysis of rhetorical appeals to Logos, Ethos and Pathos in ENL and ESL research abstracts. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001314. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1314>
- Hairunisak Ahmad Tulis, & Halimah Mohd Yusof. (2021). Gaya kepimpinan transformasi pemimpin dan kesejahteraan psikologi pekerja. *Sains Humanika*, 13(2-2). <https://doi.org/10.11113/sh.v13n2-2.1895>
- Helmi Akhtar, & Ilhaamie Abdul Ghani Azmi. (2017). Komunikasi kepimpinan berkesan. *Jurnal Syariah*, 25(3), 531-562. <https://doi.org/10.22452/js.vol25no3.7>
- Huang, S. Y., Huang, C.-H., & Chang, T.-W. (2022). A new concept of work engagement theory in cognitive engagement, emotional engagement, and physical engagement. *Frontiers in Psychology*, 12. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.663440>
- Jamaluddin Aziz, Fuzirah Hashim, & Nur Fariza Mohd Nor. (2022). Can we not just talk about men? The Bechdel test, narrative salience and female voices in two selected Malay films. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 38(4), 303–318. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2022-3804-17>
- Janse, B. (2018, October 7). What is Aristotle model of communication? Diagram and example. *Toolshero*. <https://www.toolshero.com/communication-methods/aristotle-model-of-communication/>
- Klapper, R., Berg, L., & Upham, P. (2020). Probing alignment of personal and organisational values for sustainability: An assessment of Barrett's organisational consciousness model. *Sustainability*, 12(18), 7584. <https://doi.org/10.3390/su12187584>
- Kuckartz, U. (Ed.). (2014). Qualitative text analysis using computer assistance. In, *Qualitative text analysis: A guide to methods, practice & using software* (pp. 121-151). SAGE.

- Maizatul Haizan Mahbob, Nik Anis Syakira Megat Ali, Wan Idros Wan Sulaiman, & Wan Amizah Wan Mahmud. (2019). Komunikasi strategik dan peranannya untuk mewujudkan komunikasi berkesan dalam organisasi. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 23(1), 49–64.
- Maizatul Haizan Mahbob, Wan Idros Wan Sulaiman, & Wan Amizah Wan Mahmud. (2020). Pengaruh pola komunikasi ke atas komunikasi strategik. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(2), 36-50.
- Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). (2015). Hudud satu penjelasan.
- Moskovitch, Y., & Jagadish, H. V. (2022). Reliability at multiple stages in a data analysis pipeline. *Communications of the ACM*, 65(11), 118-128. <https://doi.org/jx2t>
- Muhammad Zafran Anas Ahmad Nor Khushairi, Hasrul Hashim, & Nurul Akqmie Badrul Hisham. (2022). Analisis estetika penerbitan kandungan kreatif video media sosial: Kajian terhadap Instagram Khairulaming. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 38(4), 268–285. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2022-3804-15>
- Mulyana, A., Hamid, F., Mansur, S., & Susilawati. (2019). Kepemimpinan efektif melalui kompetensi komunikasi di Media Nusantara Citra Group. *Jurnal Kajian Komunikasi*, 7(2), 184. <https://doi.org/10.24198/jkk.v7i2.23853>
- Mustafa Mat Jubri, & Miszairi Sitoris. (2021). Analisis pemberhentian hukum hudud kerana pemeliharaan Maqasid Al-Shari’Ah. *Azka International Journal of Zakat and Social Finance*, 1(2), 45-70.
- Nazra Alif Nazri, & Abdul Latiff Ahmad. (2022). Analisis kandungan terhadap drama adaptasi Korea di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 38(4), 286–302. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2022-3804-16>
- Nik Yusri Musa, Marwan Ismail, & Muhammad Hafizuddin. (2020). *Kemahiran interpersonal (interpersonal skills): Satu analisis menurut perspektif Al-Quran dan Al-Sunnah* (Conference paper). 6th International Conference on Human Sustainability (INSAN2020) University Tun Hussein Onn, Malaysia, 19th August 2020. <http://hdl.handle.net/123456789/1574>
- Nuramirah Zaini, Amiruel Azwan Ab Aziz, Nor Atifah Mohamad, Nazarul Azali Razali, Amirah Mohd Juned, & Sheik Badrul Hisham Jamil Azhar. (2022). Rhetorical appeals in professional communication presentation: An ODL setting. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(11), 1541-1549. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i11/15674>
- Nurul Nadiah Zamri, & Zulkefli Aini. (2021). Retorik dalam dakwah Nik Abdul Aziz Nik Mat. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(Special Edition), 149-158.
- Rapp, C. (2022, May 2). Aristotle’s rhetoric. *The Stanford encyclopedia of philosophy*. <https://plato.stanford.edu/entries/aristotle-rhetoric/>
- Siti Marina Kamil, Nyun-Chow Chai, & Su-Hie Ting. (2022). Logos, Pathos and Ethos in Mahathir Mohamad’s speeches during his come back as Prime Minister of Malaysia. *Trends in Undergraduate Research*, 5(1), 1-15. <https://doi.org/jx2x>
- Siti Zanariah Husain, & Muhammad Adib Samsudin. (2021). konsep fesyen menurut syarak dan kaitan dengan *Tabarruj*: Satu tinjauan literatur. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 6(2), 114-126.
- Sohaimi Abd Aziz. (1998). *Rasa-fenomenologi: penerapan terhadap karya A. Samad Said*. Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Syahrir. (2015). Analisis Ethos, Pathos dan Logos kepemimpinan Susilo Bambang Yudhoyono (SBY). *Jurnal MP (Manajemen Pemerintahan)*, 1(1).  
<https://ejournal.ipdn.ac.id/JMP/article/view/172>
- Ting, S. H. (2018). Ethos, Logos and Pathos in university students' informal requests. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 18(1), 234–251. <https://doi.org/10.17576/gema-2018-1801-14>